*Akhbar Tempatan*

**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|---|---|---|---|
| Tiada berita berkaitan. | | | |

## TEMPATAN

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|---|---|---|---|
| 1. | **Sinking barge video is false, says Lynas** | New Straits Times | Rujuk Lampiran 1 |
| 2. | **Doing their bit for Mother Earth** | New Straits Times | Rujuk Lampiran 2 |

**ANTARABANGSA**

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|---|---|---|---|
| 3. | **Jerebu kembali cemarkan New Delhi** | Berita Harian | Rujuk Lampiran 3 |
| 4. | **Asap dilihat sejauh New Zealand** | Berita Harian | Rujuk Lampiran 4 |
| 5. | **20 maut, 2.1 juta penduduk dipindah** | Berita Harian | Rujuk Lampiran 5 |

**LAMPIRAN 1**
**NEW STRAITS TIMES (NEWS/NATION) MUKA SURAT 06**
**TARIKH: 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

# Sinking barge video is false, says Lynas

**KUALA LUMPUR:** A viral video claiming that a barge containing bauxite had sunk recently in the waters of Kuantan is false, says Lynas Malaysia Sdn Bhd. It said the Kuantan Port had clarified that the accident did not occur in Malaysian waters and the material contained in the barge is nickel ore. "Lynas does not mine or produce bauxite ore. Bauxite and nickel ore are not rare earth and Lynas does not mine any materials in Malaysia," said the company, adding that all materials imported and exported from the Lynas plant were packaged in containers. **Bernama**

**LAMPIRAN 2**
**NEW STRAITS TIMES (SCHOOL TIMES): MUKA SURAT 45**
**TARIKH: 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**



# Saving the Earth via recycling



*SMK USJ 12 students participating in the recycling campaign.*

RAYYAN RAFIDI
rayyan.rafidi@nst.com.my

FIGHTING climate change has become a global concern, and more youths are getting involved.

Greta Thunberg, a 16-year-old environmental activist, was at the forefront of the Global Climate Strike, a series of international protests held last September to demand that action be taken to address climate change.

Inspired by Thunberg, SMK USJ 12 student Jeremy Loh, 16, said: "I admire her bravery and the truth in her words. So many people do not believe in climate change because it doesn't suit their comfort zone. Thunberg motivates us to make a change.

"Some people may say she's not worth listening to but she wants us to listen to the scientists and the facts that originate from them. She's a truly inspirational person," said Loh.

One way to combat climate change is through recycling which can save energy, conserve natural resources and minimise greenhouse gas emissions.

SMK USJ 12 in Subang Jaya recently emerged as the winner in the secondary school category for a recycling campaign organised by Fraser & Neave Holdings and the Subang Jaya Municipal Council.

With an average of 3.48kg of waste collected per student, the school won RM1,000.

It also clinched the special award for the most plastic recyclables collected, which was 1077.5kg, winning it an additional RM700.

The six-month campaign was aimed at educating the younger generation on the importance of protecting the environment and its natural resources through good recycling habits.

Loh said: "I have always been taught to live in the most ecological way possible. This competition was a great way for me to work on my recycling skills."

Another SMK USJ 12 student, Lim Wei Xu, 16, said that he read a lot of books and researched the Internet on environmental



*Lim Wei Xu*



*Jeremy Loh*

issues. "Thurnberg's stance piqued my interest on the 5Rs — Refuse, Reduce, Reuse, Repurpose and Recycle," said Lim.

Both students are members of SMK USJ 12 Kelab Pencinta Alam which serves to increase environmental awareness.

Lim said that for this particular competition, students put in a lot of effort.

"They had to come to school early, that is, before 7am. Then we'd scour the school, including the science labs and computer labs, to find waste materials.

"We collected newspapers, discarded exercise books, worn plastic and metal chairs and all other kinds of waste," he said.

Being highly committed, the students even showed up at school during weekends.

Lim said: "On such occasions, we would organise everything, including removing nails from discarded chairs and repairing damaged furniture such as tables, chairs, cupboards and book racks. All these took a lot of time.

"When everything was done, we sent it all to a collection centre."

There were some challenges along the way, including students who lack motivation but Lim is glad everything worked out in the end.

Developing environmental awareness from a young age has many benefits.

"When you start young, you have more time to gain more knowledge. You won't be as suspicious or reluctant as some adults when it comes to learning new things on how to save the environment.

"I'm grateful to my teachers for giving me the chance to participate in such an event.

Loh said: "With more press coverage on environmental issues and on people like Greta Thunberg, more young people will be motivated enough to save the environment."

SMK USJ 12 teacher and Kelab Pencinta Alam adviser Tay Say Cheow said that the award serves as a recognition for the school's efforts.

"Our school has been practising the recycling culture for many years but this is the first time we are joining this campaign. Despite the late start, we won because of the cooperation from the students and teachers."

Supported by the Selangor State Education Department and Tetra Pak, Kempen Kitar Semula F&N and MPSJ was organised in conjunction with MPSJ's 2019 Smart Generation Programme.

In its second year, the campaign attracted 47 schools with close to 80,000kg of recyclables collected, a striking increase from 18,328kg collected last year.

Present during the prize-giving ceremony were F&N corporate affairs manager Cariessa Goh and MPSJ president Noraini Roslan.






**LAMPIRAN 3**
**BERITA HARIAN MUKA SURAT 57**
**TARIKH: 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

# Jerebu kembali cemarkan New Delhi

**New Delhi:** Jerebu menyelubungi ibu kota India sekali lagi semalam dengan penduduk terpaksa berdepan kualiti udara berbahaya ke tempat kerja selepas cuaca cerah hujung minggu lalu.

Indeks kualiti udara di Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di sini kekal di paras 'berbahaya' iaitu 497 sehingga jam 12 tengah hari waktu tempatan, dengan paras PM 2.5 (partikel berbahaya untuk paru-paru), mencatat hampir 700 di sebahagian bandar.

Paras itu melebihi 10 kali ganda had selamat dicadangkan iaitu 60 untuk PM 2.5.

Pengurus kanan program di Pusat Sains dan Alam Sekitar berpusat di sini, Vivek Chattopadhyay, berkata penurunan kelajuan angin dan suhu menjadikan udara lebit padat, memerangkap pencemar dan memburukkan kualiti udara.

Kerajaan bandar metropolis dengan lebih 20 juta penghuni, mengehadkan penggunaan kenderaan persendirian sehingga 15 November dengan sistem 'genap-ganjil', bergantung kepada nombor plet.

REUTERS

**LAMPIRAN 4**
**BERITA HARIAN (DUNIA) MUKA SURAT 55**
**TARIKH: 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

D Dunia
bhdunia@bh.com.my

BH 62 1957-2019 WADAH PEMBAHARUAN

*Kebakaran belukar Australia*

# Asap dilihat sejauh New Zealand



## NSW isytihar darurat 7 hari, rantau berdepan kebakaran 'malapetaka'

**Sydney:** Ribuan penduduk berada di laluan maut kebakaran belukar Australia yang menghasilkan awan asap dapat dilihat sejauh New Zealand.

Pengisytiharan darurat tujuh hari diumumkan di New South Wales (NSW) di mana angin kencang, suhu tinggi dan kelembapan rendah menyebabkan Perkhidmatan Bomba Luar Bandar mengeluarkan amaran kebakaran 'malapetaka' untuk rantau meluas Sydney.

Ia adalah tahap ancaman terburuk pernah dikeluarkan untuk ibu kota ini mengikut sistem terkini, diperkenalkan pada 2009.

Bandar ini menempatkan 65 peratus daripada sejumlah 7.95 juta penduduk NSW.

Kawasan berhampiran, Greater Hunter, Illawarra dan Shoalhaven juga berdepan ancaman kebakaran 'malapetaka.'

"Risikonya benar. Kita sudah menyaksikan kemusnahan berlaku. Kita juga berdepan keadaan lebih teruk yang sudah dilihat di NSW musim ini," kata Pesuruhjaya Bomba Luar Bandar NSW, Shane Fitzsimmons kepada sekutu CNN, 9 News.

Ancaman 'malapetaka' menggesa penduduk supaya berpindah lebih awal.

"Bagi kelangsungan hidup anda, berpindah lebih awal adalah satu-satunya pilihan," kata amaran.

Fitzsimmons berkata, kebakaran menjadi begitu teruk sehingga pihak berkuasa perlu mengutamakan menyelamatkan nyawa berbanding rumah dan harta benda.

"Penekanan amat penting. Fokusnya ialah menyelamatkan nyawa dan perlindungan nyawa. Kami tidak akan menjamin dan tidak dapat memberi jaminan sebuah jentera bomba atau pesawat bomba di rumah sesiapa.

"Kami tidak dapat memberi jaminan untuk mengetuk pintu dan kami sudah pasti tidak menjamin amaran kecemasan datang menerusi telefon anda," katanya.

Sehingga pagi semalam, 64 kebakaran berlaku di seluruh NSW, 40 yang belum dibendung, kata bomba.

Di Queensland, 50 kebakaran direkodkan di kawasan seluas 500 kilometer persegi.

Lebih 350 sekolah ditutup, larangan kebakaran meluas diumumkan dengan tentera memberi sokongan logistik kepada anggota bomba.

Tiga orang maut, ribuan hilang tempat tinggal dan lebih 150 rumah musnah akibat kebakaran tidak terkawal di utara negeri itu.

Dianggarkan 350 koala mati dalam kebakaran dan sekurang-kurangnya 12 dirawat kerana cedera.

Imej satelit menunjukkan asap berkepul di lebih 4,000 kilometer persegi di seluruh Laut Tasman sehingga South Island di New Zealand.

Sejak beberapa bulan lalu, kira-kira 11,000 kilometer persegi hutan atau kawasan lebih besar berbanding Jamaica atau Kosovo, terbakar, menurut perkhidmatan bomba NSW.

Sejak beberapa tahun lalu, kebakaran belukar semakin kerap di Australia, bermula awal musim ini dan merebak dengan pantas. Pakar berkata, puncanya disebabkan krisis cuaca.

Kebakaran di timur negara itu mencetuskan amaran dikeluarkan seorang bekas pegawai kanan bomba awal tahun ini.

Bekas Pesuruhjaya Jabatan Bomba dan Penyelamat NSW, Greg Mullins antara 22 bekas pegawai yang menulis surat kepada Perdana Menteri Scott Morrison pada April dan September, memberi amaran impak krisis cuaca ke atas Australia dan kemungkinan 'bahaya kebakaran tidak dijangka.'

"Selain risiko kebakaran, wujud risiko jerebu. Kualiti udara di atas 300 dianggap berbahaya," kata pakar Universiti Monash, Paul Read menambah, kebakaran awal, lebih teruk ketika musim panas kian hampir.

Jerebu juga dilaporkan sejauh New Macedonia, hampir 1,500 kilometer merentasi Laut Coral.

AFP/AGENSI



*Pesawat bomba memadam kebakaran di kawasan luar bandar Sydney, di mana penduduk diarah berpindah.* (Foto AGENSI)

**LAMPIRAN 5**
**BERITA HARIAN (DUNIA) MUKA SURAT 56**
**TARIKH: 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

*Serangan Siklon Bulbul di India, Bangladesh*

# 20 maut, 2.1 juta penduduk dipindah

**Khulna:** Sekurang-kurangnya 20 maut dan lebih dua juta lain terpaksa mendapatkan perlindungan sementara ketika Siklon Bulbul menyerang pantai India dan Bangladesh dengan membawa angin kencang dan hujan lebat, kata pihak berkuasa kelmarin.

Siklon tropika itu membawa angin kencang sehingga 120 kilometer sejam, ketika serangan Sabtu lalu, memaksa penutupan pelabuhan dan lapangan terbang di kedua-dua negara.

Akhbar *Press Trust of India* (*PTI*) melaporkan, 10 orang terbunuh di negeri Bengal Barat, India termasuk dua yang ditimpa pokok tumbang di rumah manakala seorang lagi mangsa dihempap dahan pokok di Kolkata, manakala dua lagi mangsa dilaporkan maut di Odisha.

Di Bangladesh, lapan penduduk maut, lima akibat dihempap pokok tumbang dan sekurang-kurangnya 20 lagi cedera.

Pentadbir daerah, Masud Alam Siddiqui berkata, lima orang dilaporkan hilang selepas sebuah bot nelayan karam di sungai Meghna berhampiran pulau selatan Bhola.

Setiausaha pengurusan bencana, Shah Kamal berkata, siklon itu merosakkan kira-kira 4,000 rumah diperbuat daripada lumpur dan timah.

Sementara itu di pantai Khulna, lokasi paling teruk serangan Bulbul di Bangladesh, pokok bergoyang kuat dan tercabut akibat angin kencang sekali gus menyekat laluan masuk ke kawasan itu.

Menteri Pengurusan Bencana, Enamur Rahman berkata, sesetengah kawasan rendah di daerah itu dilanda banjir.

Pihak berkuasa berkata, siklon itu semakin melemah ketika ia bergerak ke daratan.

"Ia bertukar kepada lekukan tropika, menyebabkan hujan lebat," kata timbalan ketua biro cuaca Bangladesh, Ayesha Khatun.

Kira-kira 2.1 juta penduduk di seluruh Bangladesh turut dipindahkan ke pusat perlindungan siklon sementara tentera dihantar ke daerah tepi pantai. AFP



***Seorang penduduk meninjau rumahnya*** *yang musnah selepas Siklon Bulbul menyerang pantai India dan Bangladesh.* (Foto AFP)